

Tiga institusi bekerjasama bangunkan industri halal

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal, semalam menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) Malaysia dan TPM Biotech Sdn Bhd (TPMB) bagi mewujudkan jalinan industri yang memberi manfaat berpanjangan.

MoA itu adalah bagi pembangunan modul program 'Analisis Halal Profesional' dalam program pemindahan ilmu.

USIM diwakili Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Asma Ismail, HDC diwakili Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya Hasni Zarina Mohamed Khan manakala TPMB diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Husni Johari.

Asma berkata, HDC dan

TPMB berhasrat bekerjasama dengan USIM sebagai rakan kongsi strategik, menggalakkan pembangunan industri halal di Malaysia, khususnya untuk mewujudkan platform perundangan halal, latihan, perdagangan dan ruang potensi lain pada masa depan.

"Selain memberi kesedaran berkaitan konsep halal kepada masyarakat dan industri, program tersebut turut berperanan menyalurkan pengetahuan halal melalui pelbagai saluran seperti berpandukan teori dan praktikal, pandangan dari sudut syariah, prosedur samak, analisis makmal serta meningkatkan pengetahuan dalam amalan halal dan pelaksanaan audit," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoA itu di Nilai.

Menurutnya, berdasarkan industri halal yang bersifat kompleks

dan holistik, USIM percaya pendekatan ini mampu mewujudkan peluang ekonomi yang luas dengan menggunakan pendekatan bersepadu selaras dengan hasrat dan visi USIM dalam mengintegrasikan ilmu Naqli (Wahyu) dan Aqli (Rasional) untuk mentransformasikan dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat. - Bernama



ASMA